

05/08/1997

Shapadu, HHE keluar pesawat ringan

Ebi Azly Abdullah

SHAPADU Corporation Sdn Bhd (Shapadu) menandatangani perjanjian kerjasama dengan firma Australia, Howard Hughes Engineering Pty Ltd (HHE) untuk mengeluarkan dan menyelenggarakan pesawat ringan ALW 2000 di negara ini.

Mengikut perjanjian berkenaan, HHE akan menyediakan kepakaran teknikal untuk mengeluarkan pesawat terbabit di Malaysia, manakala Shapadu akan menyediakan sumber kewangan dan perkara berkaitan.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Shapadu, Datuk Shahrani Abdullah, berkata syarikat itu akan memegang ekuiti 70 peratus dalam program terbabit, manakala selebihnya akan dimiliki HHE.

Menurutnya, kilang pengeluaran pesawat akan dibina di Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka dan dijangka siap sepenuhnya menjelang pertengahan tahun depan.

"Jika semua berjalan lancar, rakyat boleh menjangkakan pengeluaran pesawat pertama yang dipasang sepenuhnya di negara ini menjelang akhir tahun depan," katanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, semalam.

Beliau berada di Langkawi untuk menghadiri majlis perasmian Pertunjukan dan Persidangan Udara Langkawi Oshkosh East Fly-In 97 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Shahrani berkata, syarikat itu yakin dengan potensi projek berkenaan berikutan pertumbuhan positif industri penerbangan negara sejak kebelakangan ini.

"Perdana Menteri sendiri sering meminta syarikat tempatan supaya menceburi bidang penerbangan untuk menggerakkan sektor terbabit.

"Saya percaya kerjasama Shapadu dengan HHE adalah langkah positif ke arah itu dan yakin bahawa kita boleh mereka dan mengeluarkan pesawat tidak lama lagi," katanya.

Ini adalah kali kedua Shapadu terbabit dengan pengeluaran pesawat di negara ini.

Usaha pertama ialah dengan pengeluar Jerman, Dornier untuk memasang dan menjual pesawat amfibia Dornier Seastar.

Sementara itu, pemilik dan Pengarah Urusan HHE, Howard Hughes, berkata syarikat itu akan memperkenalkan pesawat ringan terbaru syarikat itu, ALW 2000.

Menurutnya, pesawat berkenaan yang berkuasakan enjin Rotax 12 dari Austria, direka khas untuk latihan juruterbang selain kegunaan persendirian.

(END)